



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

ARAHAN - ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN (PROGRAM ASASI TVET)



EDISI 2023

ARAHAN - ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KADEAH PENILAIAN (PROGRAM ASASI TVET)

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

www.mypolycc.edu.my
2023

ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAE DAH PENILAIAN (PROGRAM ASASI TVET)

Terbitan Edisi 2023

Hak Cipta terpelihara. Mana – mana bahagian penerbitan ini tidak dibenarkan untuk disalin, disimpan dalam apa-apa bentuk sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula dan perakaman atau apa cara yang memungkinkan untuk diterbit semula tanpa izin daripada Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Diterbitkan oleh :

Bahagian Peperiksaan Dan Penilaian
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 6, Galeria PjH
Jalan P4W, Persiaran Perdana Presint 4
62100 Putrajaya

No. Tel : 03 – 8888 2630
No. Faks : 03 – 8888 5634
Laman web : www.mypolycc.edu.my

ISBN : e ISBN 978-967-0763-62-0



Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web : www.mypolycc.edu.my

PRAKATA

Bahagian Peperiksaan Dan Penilaian, Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti ingin merakamkan penghargaan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama semua pihak di dalam menjayakan proses pembangunan buku Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian (Program Asasi TVET) Edisi 2023.

Buku Arahan ini adalah sebagai panduan dan rujukan bagi warga politeknik dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Program Asasi TVET di institusi. Diharapkan, buku arahan ini menjadi sumber rujukan utama yang bermanfaat kepada institusi sekaligus akan meningkatkan dan memantapkan kefahaman semua pihak dalam proses pengurusan peperiksaan.

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN		MUKA SURAT
1.1	Nama Dan Tarikh Berkuat kuasa	1
1.2	Tujuan	1
1.3	Hak Dan Tanggungjawab	1
1.4	Tafsiran	2
1.5	Singkatan	5
BAHAGIAN 2 : PENDAFTARAN DAN PERATURAN PENILAIAN		
2.1	Mendaftar Kursus	6
2.2	Syarat Layak Menduduki Peperiksaan Akhir	6
2.3	Kehadiran Wajib Peperiksaan Akhir	7
2.4	Arahan-Arahan Am Peperiksaan Akhir	9
BAHAGIAN 3 : PERATURAN DAN TATATERTIB PENILAIAN		
3.1	Penyelewengan Akademik	12
3.2	Larangan Terhadap Plagiarisme	12
3.3	Pelanggaran Peraturan dan Penyelewengan Akademik	14
BAHAGIAN 4 : KAEDEH PENILAIAN		
4.1	Sistem Gred	15
4.2	Sistem Nilaian Mata	15
4.3	Penentuan HPNM	17
4.4	Penilaian Akhir Khas	17
4.5	Penilaian Khas Asasi	18

BAHAGIAN 5 : KEPUTUSAN PENILAIAN

5.1	Keputusan Penilaian Program Asasi TVET	20
5.2	Pengumuman Keputusan Penilaian	21
5.3	Syarat Tamat Program	21
5.4	Penarikan Balik Atau Pembatalan Slip Keputusan Pelajar Dan Transkrip	22

BAHAGIAN 6 : RAYUAN KEPUTUSAN

6.1	Rayuan Keputusan	23
6.2	Penyemakan Semula Skrip Jawapan	23

BAHAGIAN 7 : PENGANUGERAHAN

7.1	Tempoh Pengajian	25
7.2	Sijil Dan Transkrip Akademik	25
7.3	Penarikan Balik Atau Pembatalan Sijil	25

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Menteri di bawah Peraturan 7, Peraturan - Peraturan Pendidikan (Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik) 2012 [P.U.(A) 527/97], Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik telah membuat panduan dan arahan - arahan berikut:

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

1.1 NAMA DAN TARIKH BERKUATKUASA

Panduan ini adalah dinamakan ‘Arahan - Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Program Asasi TVET) Edisi 2023’ bagi penggunaan Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi mula berkuatkuasa pada **Julai 2023**.

1.2 TUJUAN

Panduan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan keseragaman kepada semua politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan peperiksaan atau lain-lain bentuk penilaian khusus untuk Program Asasi TVET Politeknik.

1.3 HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Setiap politeknik mempunyai tanggungjawab bagi memastikan penggunaan garis panduan yang sesuai berkaitan dengan pendekatan pembelajaran, penilaian, penyeliaan dan pentadbiran peperiksaan kepada pelajar yang berdaftar, menepati peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

1.4 TAFSIRAN

Dalam panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

1. **“Pelajar”** bermakna seseorang yang berdaftar untuk mengikuti secara sah pengajian akademik di sebuah politeknik.
2. **“Pegawai Peperiksaan”** bermakna seorang pegawai yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk mengetuai unit peperiksaan di politeknik.
3. **“Ketua Jabatan Akademik”** bermakna seseorang pegawai yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mengetuai sebuah jabatan akademik di politeknik.
4. **“Keluarga Terdekat”** bermakna suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara.
5. **“Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik”** bermakna satu badan di politeknik yang bertanggungjawab mengenai perjalanan proses peperiksaan dan penilaian serta membuat keputusan penilaian bagi semua kursus.
6. **“Jawatankuasa Pensijilan Asasi TVET (JKPA)”** bermakna jawatankuasa yang mengesahkan pelajar di dalam senarai layak dianugerahkan sijil perakuan tamat Program Asasi TVET di peringkat JPPKK.
7. **“Jam Kredit”** bermakna jumlah masa yang diperuntukkan bagi setiap kuliah kursus akademik
8. **“Keperluan Program”** bermakna suatu keperluan yang dikehendaki bagi sesuatu program yang perlu dipenuhi dan disempurnakan oleh seseorang pelajar untuk melayakkannya dianugerahkan sijil akademik.
9. **“Pentaksiran Berterusan”** bermakna pentaksiran sumatif yang diadakan untuk mengukur keupayaan pelajar sepanjang semester.
10. **“Kredit”** bermakna ukuran kuantitatif yang melambangkan beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

11. “**Kursus**” bermakna kursus yang perlu diambil oleh pelajar mengikut dokumen kurikulum dan struktur program.
12. “**Gred**” bermakna satu tahap pencapaian penilaian dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar bagi sesuatu kursus.
13. “**Mata Kredit**” bermakna hasil darab nilai mata dengan kredit bagi sesuatu kursus.
14. “**Nilai Mata**” bermakna suatu nilai dalam bentuk angka yang telah diberi ke atas kumpulan markah seperti yang terdapat di dalam sistem gred.
15. “**Peraturan Pemarkahan**” bermakna suatu panduan jawapan dan agihan markah bagi sesuatu soalan peperiksaan.
16. “**Purata Nilai Mata (PNM)**” bermakna purata nilai mata kredit seseorang pelajar bagi sesuatu semester.
17. “**Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM)**” bermakna purata nilaian mata yang diperolehi oleh seseorang pelajar di dalam semua peperiksaan yang diambilnya sehingga kini .
18. “**Skrip Jawapan**” bermakna naskah jawapan yang dihantar oleh pelajar bagi kursus-kursus yang ada peperiksaan akhir.
19. “**Slip Pendaftaran Peperiksaan**” bermakna penyata kelayakan pelajar yang mengandungi butiran kursus yang didaftarkan bagi menduduki sesuatu peperiksaan akhir.
20. “**Pelanggaran Peraturan Peperiksaan**” bermakna apabila seseorang pelajar itu didapati melakukan perkara - perkara yang dilarang seperti yang disenaraikan di dalam Bahagian 3 : Peraturan Peperiksaan Dan Penilaian.
21. “**Pemansuhan Markah Penilaian**” bermakna menarik balik gred yang telah diberi kepada seseorang pelajar kerana melanggar peraturan peperiksaan. Pelajar tersebut kemudiannya akan diberi Gred ‘F’ (Nilai Mata = 0.00) dan dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan. Nilai Mata ini akan diambil kira dalam pengiraan PNM dan HPNM pada semester semasa.
22. “**Penangguhan Pengajian**” bermakna pelajar boleh diberi status penangguhan pengajian dengan kelulusan Pengarah atas sebab-sebab yang dibenarkan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai tempoh pengajian di politeknik.

23. “**Peperiksaan Akhir Khas**” bermakna peperiksaan yang diadakan untuk pelajar-pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir dengan sebab-sebab yang dibenarkan dan mendapat kebenaran Pengarah.
24. “**Penilaian Khas Asasi**” bermakna penilaian yang dibenarkan kepada pelajar yang gagal kursus pada semester 1 dan 2 yang memenuhi syarat-syarat tertentu.
25. “**Penggantungan Pengajian**” bermakna suatu bentuk hukuman yang dikenakan ke atas seseorang pelajar yang disabitkan dengan pelanggaran Akta 174 dimana pelajar berkenaan tidak dibenarkan mengikuti pengajiannya bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan. Tempoh penggantungan tersebut akan diambilkira sebagai tempoh pengajian di politeknik.
26. “**Rayuan**” bermakna permohonan pertimbangan semula ke atas sesuatu keputusan atau hukuman secara bertulis oleh seseorang pelajar.
27. “**Meniru**” bermakna menggunakan nota/maklumat/dokumen yang disediakan sebelumnya dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara atau mendapatkannya dari mana-mana punca bagi tujuan untuk menjawab soalan peperiksaan kursus yang sedang dijalankan.
28. “**Menipu**” bermakna mengenakan tipu atau memperdaya dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara dalam penilaian.
29. “**Memberi Tiru**” bermakna bersubahat dengan pelajar yang lain dalam aktiviti-aktiviti meniru atau cubaan meniru.
30. “**Cubaan Meniru**” bermakna memiliki bersamanya nota/maklumat/dokumen yang disediakan sebelumnya dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara atau mendapatkannya dari mana-mana punca yang boleh membantu menjawab soalan peperiksaan kursus yang sedang dijalankan.
31. “**Cubaan Menipu**” bermakna suatu perbuatan atau hal menipu bagi tujuan penilaian yang dijalankan.

1.5 SINGKATAN

1. **TVET** - *Technical and Vocational Education Training / Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional*
2. **TPA/TP** - Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah
3. **PNM** - Purata Nilai Mata
4. **HPNM** - Himpunan Purata Nilai Mata
5. **PdP** - Pengajaran dan Pembelajaran
6. **GPA** - *Grade Point Average*
7. **CGPA** - *Cumulative Grade Point Average*

BAHAGIAN 2 : PENDAFTARAN DAN PERATURAN PENILAIAN

2.1 MENDAFTAR KURSUS

- 2.1.1 Pendaftaran kursus perlu dilaksanakan pada awal semester setelah urusan melapor diri selesai.
- 2.1.2 Ketua Jabatan Akademik bertanggungjawab untuk memastikan pelajar telah mendaftar kursus.
- 2.1.3 Pelajar yang telah mendaftar untuk mengambil sesuatu kursus perlu mengikuti sepenuhnya aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kursus tersebut sepanjang sesi pengajian.

2.2 SYARAT LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR

- 2.2.1 Pelajar perlu memenuhi semua syarat berikut bagi melayakkan diri menduduki peperiksaan akhir kursus:
 - i. mendaftar pengajian pada semester semasa;
 - ii. mendaftar kursus pada semester semasa;
 - iii. minima peratus kehadiran ialah 80% atau lebih kuliah/tutorial/amali bagi jangka masa yang ditetapkan; dan

Pengiraan peratus kehadiran pelajar dikira seperti berikut:

$$\% \text{ Kehadiran} = \frac{\text{Jumlah jam kehadiran sebenar}}{\text{Jumlah jam kehadiran sepatutnya}} \times 100\%$$

- 2.2.2 Pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang telah diluluskan oleh pengarah dikecualikan daripada keperluan yang ditetapkan dalam Perkara 2.2.1 (iii).

- 2.2.3 Jika seseorang pelajar itu tidak memenuhi syarat-syarat pada Perkara 2.2.1 (iii) tanpa alasan atau dokumen sokongan yang munasabah:
- i. pelajar tidak layak menduduki peperiksaan akhir;
 - ii. pelajar akan diberi Gred F dengan Nilai Mata 0.00 bagi kursus berkenaan;
 - iii. pelajar dianggap telah mengambil dan gagal kursus berkenaan; dan
 - iv. dalam keadaan tertentu pengarah boleh menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan pelajar berkenaan menduduki peperiksaan akhir.
- 2.2.4 Jika seseorang pelajar itu digantung pengajian disebabkan tindakan tatatertib mengikut Akta 174:
- i. pelajar tidak layak untuk menduduki peperiksaan akhir;
 - ii. keseluruhan penilaian pelajar tersebut adalah terbatal; dan
 - iii. pelajar perlu mengambil semula kursus tersebut dan dikira sebagai mengambil kursus berkenaan untuk kali pertama; dan semester berkenaan diambil kira sebagai tempoh pengajian.
- 2.2.5 Perkara 2.2.1, 2.2.3 dan 2.2.4 adalah juga terpakai untuk kursus yang dinilai secara pentaksiran berterusan.

2.3 KEHADIRAN WAJIB PEPERIKSAAN AKHIR

- 2.3.1 Pelajar menduduki sesuatu peperiksaan bagi kursus yang memerlukannya berbuat demikian kecuali:
- i. mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pengarah untuk tidak menduduki peperiksaan tersebut; atau
 - ii. mempunyai alasan yang munasabah kerana tidak hadir dan pelajar itu atau wakilnya hendaklah memaklumkan sebab-sebab ketidakhadiran dengan kadar segera secara bertulis kepada

pengarah dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya; atau

- iii. pelajar yang sakit hendaklah memaklumkan sendiri atau melalui wakilnya kepada pengarah dalam tempoh 24 jam dan disertakan sijil sakit yang dikeluarkan/disahkan oleh pegawai perubatan sebagai bukti; atau
- iv. pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh pihak berkuasa tatatertib politeknik; dan
- v. dalam keadaan tertentu, pengarah boleh menggunakan budi bicaranya dalam melaksanakan arahan-arahan pada Perkara 2.1.1 (i), 2.1.1 (ii) dan 2.1.1 (iii).

- 2.3.2 Bagi pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas alasan seperti Perkara 2.3.1 (i) hingga 2.3.1 (iii), semua markah pentaksiran berterusan akan diambil kira.
- 2.3.3 Bagi pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir tanpa alasan yang munasabah, pelajar akan diberi gred F dengan nilai mata 0.00 bagi kursus berkenaan. Pelajar dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan.
- 2.3.4 Bagi pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas Perkara 2.3.1 (iv), pelajar akan diberi gred F dengan nilai mata 0.00 bagi kursus berkenaan. Pelajar dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan.
- 2.3.5 Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar diberi peluang menduduki Peperiksaan Akhir Khas (rujuk Perkara 4.3).

2.4 ARAHAN – ARAHAN AM PEPERIKSAAN AKHIR

- 2.4.1 Sebelum peperiksaan akhir bermula, pelajar hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:
- i. pelajar dikehendaki hadir untuk menduduki peperiksaan akhir pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan;
 - ii. pelajar diminta berada di luar dewan/bilik peperiksaan 15 minit sebelum peperiksaan dimulakan;
 - iii. pelajar dilarang masuk ke dalam dewan bilik peperiksaan sehingga diarahkan berbuat demikian;
 - iv. pelajar hendaklah masuk dengan tertib mengikut laluan yang telah ditetapkan;
 - v. pelajar yang lewat lebih daripada 30 minit selepas peperiksaan akhir dimulakan adalah dilarang masuk ke dalam tempat peperiksaan akhir dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan akhir bagi kursus tersebut;
 - vi. pelajar yang lewat tetapi tidak melebihi tiga puluh 30 minit daripada waktu peperiksaan akhir bermula akan dibenarkan menduduki peperiksaan akhir tetapi waktu tamat peperiksaan akhir bagi kursus tersebut adalah sama dengan pelajar yang lain;
 - vii. pelajar dilarang membawa masuk ke dalam atau keluar tempat peperiksaan akhir sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis kecuali yang dibenarkan oleh pengawas peperiksaan;
 - viii. pelajar dikehendaki membawa kad pelajar. Kegagalan membawa kad pelajar boleh menyebabkan pelajar dihalang daripada memasuki tempat peperiksaan akhir untuk menduduki peperiksaan akhir kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada pegawai peperiksaan untuk menduduki kursus berkenaan sahaja; dan
 - ix. pelajar yang berkeperluan khas semasa peperiksaan akhir perlu mengemukakan permohonan secara bertulis untuk dipertimbangkan oleh pengarah.

- 2.4.2. Semasa peperiksaan akhir sedang berlangsung, semua pelajar hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:
- i. pelajar hendaklah duduk di tempat yang telah ditetapkan setelah masuk ke tempat peperiksaan akhir;
 - ii. pelajar dilarang meniru, cuba meniru atau memberi tiru dengan apa-apa cara juga semasa peperiksaan akhir;
 - iii. pelajar hendaklah memastikan bahawa mereka telah menerima kertas soalan yang betul dan lengkap. Sekiranya tidak, pelajar hendaklah memaklumkan pengawas peperiksaan yang bertugas;
 - iv. pelajar hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi semua arahan yang dicetak pada soalan peperiksaan akhir dan muka hadapan skrip jawapan;
 - v. pelajar hanya boleh mula dan berhenti menjawab apabila diarahkan berbuat demikian;
 - vi. pelajar dikehendaki mengisi maklumat di muka hadapan skrip jawapan, dan menurunkan tandatangan pada bahagian yang disediakan setelah diarahkan oleh ketua pengawas peperiksaan;
 - vii. pelajar dilarang membuka kertas soalan yang telah diedarkan sebelum diarah berbuat demikian;
 - viii. pelajar dilarang menyentuh apa-apa peralatan yang berada di atas meja peperiksaan akhir sebelum diarah berbuat demikian;
 - ix. pelajar dilarang meninggalkan tempat peperiksaan akhir dalam tempoh 30 minit selepas peperiksaan bermula dan 15 minit sebelum peperiksaan akhir tamat. Dalam keadaan tertentu di mana pelajar perlu keluar dan masuk semula, kebenaran daripada pengawas peperiksaan adalah diperlukan dan pelajar hendaklah berada di bawah pengawasan;
 - x. pelajar dilarang membuat sebarang perlakuan yang boleh mengganggu calon lain dan kelancaran proses peperiksaan akhir;

- xi. pelajar hendaklah memastikan bahawa skrip jawapan disusun dan diikat dengan sempurna pada akhir peperiksaan sebelum dikumpulkan oleh pengawas peperiksaan;
 - xii. pelajar hendaklah memastikan semua alatan yang digunakan disusun seperti yang dikehendaki oleh pengawas peperiksaan; dan
 - xiii. pelajar hanya dibenarkan keluar dari tempat peperiksaan akhir selepas mendapat arahan daripada pengawas peperiksaan.
- 2.4.3 Dalam keadaan-keadaan tertentu, pengarah, TPA/TP atau pegawai peperiksaan boleh mengubah suai arahan-arahan bagi peperiksaan akhir mengikut budi bicaranya.

BAHAGIAN 3 : PERATURAN DAN TATATERTIB PENILAIAN

3.1 PENYELEWENGAN AKADEMIK

- 3.1.1 Pelajar tidak dibenarkan melakukan mana-mana penyelewengan akademik seperti berikut:
- i. meniru, cubaan meniru atau memberi tiru dalam peperiksaan; dan
 - ii. menipu atau cubaan menipu dalam peperiksaan.

3.2 LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

- 3.2.1 Larangan terhadap plagiarisme ini adalah seperti yang termaktub di dalam Akta 174.
- 3.2.2 Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.
- 3.2.3 Bagi maksud ini, plagiarisme termasuklah:
- i. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; dan
 - ii. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada sumber lain.
- 3.2.4 Tanpa menjelaskan keluasan perkara 3.2.3, seseorang pelajar memplagiat apabila:
- i. menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;

- ii. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademiknya, atau buku, ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;
- iii. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;
- iv. memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;
- v. menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak dengan orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar institusi sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;
- vi. mentranskripsikan idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa juga bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa juga bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
- vii. menterjemah tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian dan kemudian mengemukakan terjemahan itu ke

dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaan sendiri; dan

- viii. memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa pengubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun semula idea itu dalam apa apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

3.3 PELANGGARAN PERATURAN DAN PENYELEWENGAN AKADEMIK

- 3.3.1 Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana Arahan-Arahan Am Peperiksaan Akhir pada Perkara 2.3 boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
- i. amaran; atau
 - ii. dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan; dan
 - iii. diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00.
- 3.3.2 Pelajar yang telah dibuktikan melakukan Perkara 3.1.1 (i) dalam penilaian akan dimansuhkan markah peperiksaan akhir bagi semua kursus yang diambil pada semester berkenaan.
- 3.3.3 Pelajar yang telah dibuktikan melakukan Perkara 3.1.1 (ii) atau Perkara 3.2 akan dimansuhkan penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan gred F dengan nilai mata 0.00.
- 3.3.4 Selain daripada Perkara 3.3.1, 3.3.2 dan 3.3.3 pelajar-pelajar yang melanggar peraturan peperiksaan juga boleh dikenakan tata tertib seperti yang diperuntukan di bawah Jadual Kedua Kaedah Kaedah Institusi Pelajaran (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 1976 – Akta 174 (Pindaan 2012) – Bahagian V Tatacara Tatatertib.

BAHAGIAN 4 : KAEDEH PENILAIAN

4.1 SISTEM GRED

- 4.1.1 Markah yang diperolehi oleh pelajar di dalam sesuatu kursus akan diberi nilai mata dan gred mengikut kumpulan seperti Jadual 1. Sistem gred ini dirangka khusus bagi keputusan penilaian Program Asasi TVET.

Markah	Nilai Mata	Gred	Status
80 - 100	4.00	A	Cemerlang
75 - 79	3.67	A-	
70 - 74	3.33	B+	Kepujian
65 - 69	3.00	B	
60 - 64	2.67	B-	Lulus
55 - 59	2.33	C+	
50 - 54	2.00	C	Gagal
47 - 49	1.67	C-	
44 - 46	1.33	D+	Gagal
40 - 43	1.00	D	
30 - 39	0.67	E	Gagal
0 - 29	0.00	F	

Jadual 1 : Sistem Gred Program Asasi TVET

4.2 SISTEM NILAIAN MATA

- 4.2.1 Sistem penilaian Politeknik Malaysia adalah berdasarkan kaedah penilaian kuantitatif prestasi pelajar di dalam sesuatu program yang dikenali sebagai Sistem Nilaian Mata.

4.2.2 Mengikut Sistem Nilaian Mata, prestasi pelajar bagi sesuatu kursus adalah berdasarkan kepada Sistem Gred. Pencapaian pelajar dinilai menggunakan dua (2) ukuran iaitu:

- i. purata Nilaian Mata (PNM) atau *Grade Point Average* (GPA);

$$\text{PNM} = \frac{\text{Jumlah Mata Kredit semester berkenaan}}{\text{Jumlah Jam Kredit semester berkenaan}}$$

- ii. himpunan Purata Nilaian Mata (HPNM) atau *Cumulative Grade Point Average* (CGPA);

$$\text{HPNM} = \frac{\text{Jumlah Mata Kredit keseluruhan}}{\text{Jumlah Jam Kredit keseluruhan}}$$

4.2.3 Mata kredit adalah nilai mata x jam kredit kursus yang diambil kira dalam HPNM;

$$\text{Mata kredit} = \text{Nilai mata} \times \text{Jam kredit kursus}$$

4.2.4 Nilaian mata bagi pelajar atlet adalah seperti berikut:

- i. atlet yang mendapat pingat dan mewakili negeri/negara semasa berada di institusi terkini, nilai mata bagi kursus Kokurikulum pada semester berkenaan adalah 4.00;
- ii. atlet yang mewakili negeri/negara semasa berada di institusi terkini dan tidak mendapat pingat, nilai mata bagi kursus Kokurikulum pada semester berkenaan adalah 3.00; dan
- iii. disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik.
- iv. merujuk kepada arahan peperiksaan yang sedang berkuatkuasa.

4.3 PENENTUAN HPNM SEMESTER PURATA

- 4.3.1 Keputusan pelajar Program Asasi TVET perlu dihantar ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT) untuk proses permohonan Unit Pusat Universiti (UPU).
- 4.3.2 Keputusan yang akan dihantar ke BKPA, JPT adalah gred bagi semua kursus teras yang diambil oleh pelajar pada setiap semester.
- 4.3.3 Selepas keputusan peperiksaan akhir bagi **semester 1**, penentuan HPNM semester purata yang digunakan bagi permohonan UPU adalah seperti berikut:
 - i. **tiga (3) kursus teras terbaik iaitu Matematik dan dua (2) kursus teras terbaik.**
- 4.3.4 Bagi **semester 2** pula, penentuan HPNM semester purata yang digunakan bagi permohonan UPU adalah seperti berikut:
 - i. **empat (4) kursus teras terbaik iaitu Matematik dan tiga (3) kursus terbaik; dan**
 - ii. purata gred bagi sesuatu kursus yang sama ditentukan dari purata markah kursus semester 1 dan semester 2 mengikut Perkara 4.1 : Sistem Gred.
- 4.3.5 HPNM semester purata akan dipaparkan di dalam transkrip pelajar.

4.4 PEPERIKSAAN AKHIR KHAS

- 4.4.1 Pelajar yang layak dipertimbangkan untuk menduduki Peperiksaan Akhir Khas adalah pelajar seperti berikut:
 - i. disahkan sakit oleh pegawai perubatan kerajaan atau swasta;
 - ii. menghadapi kes-kes kecemasan seperti kes kematian keluarga terdekat, kemalangan, bencana alam atau kebakaran dengan pengesahan dari pihak berkuasa; atau
 - iii. menyertai aktiviti yang diluluskan oleh pengarah dengan mengemukakan surat pengesahan daripada pihak penganjur.

- iv. atlet sukan yang sedang mewakili negeri atau negara di institusi terkini.
- 4.4.2 Peperiksaan Akhir Khas juga dilaksanakan sekiranya Peperiksaan Akhir bagi mana-mana kursus pada semester berkenaan dibatalkan.
- 4.4.3 Peperiksaan Akhir Khas dilaksanakan bagi pelajar semester 1 dan 2.
- 4.4.4 Keputusan pelajar yang lulus Peperiksaan Akhir Khas akan dinilai mengikut sistem gred semasa.
- 4.4.5 Peperiksaan Akhir Khas akan diadakan pada masa dan tarikh yang sesuai bagi pelajar dan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik dilaksanakan.
- 4.4.6 Sekiranya pelajar tidak hadir dengan sebab yang munasabah, markah sifar (0) akan diberikan bagi Peperiksaan Akhir Khas tersebut dan markah penilaian hanya akan mengambil kira berdasarkan markah pentaksiran berterusan sahaja.
- 4.4.7 Sekiranya pelajar tidak hadir tanpa sebab, pelajar akan diberi gred F dengan nilai mata 0.00 bagi kursus berkenaan. Pelajar dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan.

4.5 PENILAIAN KHAS ASASI

- 4.5.1 Penilaian Khas Asasi adalah satu bentuk penilaian yang dibenarkan kepada pelajar yang gagal kursus pada semester 1 dan 2 yang memenuhi syarat-syarat berikut:
- i. hanya kursus yang mempunyai peperiksaan akhir sahaja;
 - ii. gagal maksimum dua (2) kursus dalam semester semasa;
 - iii. telah menduduki peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan dalam semester semasa; dan
 - iv. tidak dikenakan tindakan tatatertib.

4.5.2 Kaedah pelaksanaan pada semester berkenaan:

- i. penilaian khas asasi perlu dilaksanakan dengan kaedah peperiksaan akhir sahaja;
- ii. pelajar dibenarkan menduduki penilaian khas hanya sekali sahaja sebelum keputusan peperiksaan disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik; dan
- iii. keputusan pelajar yang lulus Penilaian Khas Asasi akan mendapat maksimum gred C sahaja.

BAHAGIAN 5 : KEPUTUSAN PENILAIAN

5.1 KEPUTUSAN PENILAIAN PROGRAM ASASI TVET

PENCAPAIAN	KEPUTUSAN PENILAIAN	
HPNM \geq 2.00 & lulus semua kursus	Semester 1	LULUS dan MENERUSKAN PENGAJIAN
	Semester 2	LULUS dan TAMAT PROGRAM
HPNM \geq 2.00 & gagal tidak lebih dua (2) kursus	LULUS dan MELAKSANAKAN PENILAIAN KHAS ASASI	
HPNM $<$ 2.00 / gagal lebih dua (2) kursus	GAGAL dan DIBERHENTIKAN	

Jadual 2 : Jadual Keputusan Penilaian Program Asasi TVET

Keputusan Penilaian bagi setiap semester akan dikategorikan kepada:

5.1.1 Lulus Dan Meneruskan Pengajian

- i. pelajar semester satu yang memperolehi HPNM bersamaan atau lebih daripada 2.00; dan
- ii. lulus semua kursus.

5.1.2 Lulus Dan Tamat Program

Pelajar memperolehi HPNM bersamaan atau lebih daripada 2.00 dan lulus semua kursus serta memenuhi syarat (Rujuk Perkara 5.3) serta layak dianugerahkan Sijil Akademik.

5.1.3 Gagal Dan Diberhentikan

- i. pelajar semester 1 dan semester 2 yang memperoleh Himpunan Purata Nilaian Mata (HPNM) kurang daripada 2.00;
- ii. gagal lebih dua (2) kursus.

5.14 Lulus Dan Melaksanakan Penilaian Khas Asasi

- i. pelajar semester 1 dan semester 2 yang memperolehi HPNM bersamaan atau lebih daripada 2.00;
- ii. gagal tidak lebih daripada dua (2) kursus.

5.2 PENGUMUMAN KEPUTUSAN PENILAIAN

Pegawai peperiksaan akan mengumumkan keputusan penilaian bagi pihak Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik pada tarikh keputusan rasmi ditetapkan.

5.3 SYARAT TAMAT PROGRAM

Pelajar dianggap telah menamatkan pengajian bagi sesuatu program yang ditetapkan sekiranya telah memenuhi kriteria berikut:

- i. memperolehi HPNM sekurang-kurangnya 2.00;
- ii. lulus semua kursus yang ditetapkan bagi program Asasi TVET;
- iii. menyempurnakan jumlah kredit yang telah ditetapkan;
- iv. tamat pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan;
- v. status berdaftar dan memenuhi syarat institusi; dan
- vi. diperakukan oleh Jawatankuasa Pensijilan Program Asasi TVET (JKPA).

5.4 PENARIKAN BALIK ATAU PEMBATALAN SLIP KEPUTUSAN PELAJAR DAN TRANSKRIP

Jawatankuasa Pensijilan Program Asasi TVET (JKPA) berhak menarik balik slip keputusan dan transkrip pelajar tersebut jika didapati mengemukakan dokumen kelayakan palsu semasa membuat permohonan atau mendaftar di mana-mana institusi awam/swasta atau melakukan mana-mana penyelewengan akademik.

BAHAGIAN 6 : RAYUAN KEPUTUSAN

6.1 RAYUAN KEPUTUSAN

- 6.1.1 Pelajar yang ingin membuat rayuan ke atas keputusan penilaiannya boleh berbuat demikian secara bertulis kepada Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh keputusan rasmi. Rayuan hendaklah disertakan dengan alasan-alasan yang munasabah dan bukti-bukti berkaitan.
- 6.1.2 Pelajar dikenakan bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap rayuan yang dikemukakan dan hendaklah dibuat mengikut prosedur kewangan institusi berkenaan.
- 6.1.3 Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada pelajar oleh pegawai peperiksaan mengikut tarikh keputusan rasmi rayuan. Keputusan rayuan adalah muktamad.

6.2 PENYEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN

- 6.2.1 Semakan semula skrip jawapan hanya terpakai bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir sahaja.
- 6.2.2 Pelajar yang ingin membuat semakan semula skrip jawapan sesuatu kursus hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh keputusan rasmi diumumkan.
- 6.2.3 Pelajar akan dikenakan bayaran sebanyak RM25.00 bagi setiap kursus dan hendaklah dibuat mengikut prosedur kewangan institusi berkenaan.
- 6.2.4 Keputusan semakan semula akan dimaklumkan kepada pelajar oleh pegawai peperiksaan mengikut tarikh keputusan rasmi rayuan.
- 6.2.5 Keputusan rayuan adalah muktamad.

- 6.2.6 Pelajar yang menduduki Peperiksaan Akhir Khas dan Penilaian Khas Asasi tidak layak untuk memohon semakan semula skrip jawapan.

BAHAGIAN 7 : PENGANUGERAHAN

7.1. TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian bagi Program Asasi TVET adalah 1 tahun sahaja. (2 semester)

7.2 SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 7.1.1 Sijil perakuan tamat Program Asasi TVET dan transkrip akademik diberikan kepada pelajar setelah tamat sesuatu program pengajian dan disahkan oleh Jawatankuasa Pensijilan Program Asasi TVET (JKPA).
- 7.1.2 Permohonan salinan sijil dan transkrip akademik akan dikenakan bayaran seperti berikut:

Perkara	Bayaran (RM)
Sijil	RM 50.00
Transkrip	RM 10.00

Jadual 3 : Kadar Bayaran

- 7.1.3 Bayaran hendaklah dibuat mengikut prosedur kewangan institusi berkenaan.

7.3 PENARIKAN BALIK ATAU PEMBATALAN SIJIL

Jawatankuasa Pensijilan Program Asasi TVET (JKPA) berhak menarik balik sijil akademik yang telah dianugerahkan kepada seseorang lulusan jika didapati mengemukakan dokumen kelayakan palsu semasa membuat permohonan kemasukan ke institusi awam/swasta atau melakukan mana-mana penyelewengan akademik.

Bahagian Peperiksaan Dan Penilaian

Jabatan Pengajian Politeknik

Kementerian Pendidikan Tinggi

Tel: 03-88919000

Fax: 03-88919300

**JAWATANKUASA ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDEH PENILAIAN
(PROGRAM ASASI TVET)**
JAWATANKUASA INDUK :

PENASIHAT	HASAN BIN MOHD SHARIF Pengarah Bahagian Peperiksaan dan Penilaian
PENGURUSI	PN. SITI NORMAZILA BINTI ABDUL AZIZ Timbalan Pengarah Unit Peperiksaan dan Data Bahagian Peperiksaan dan Penilaian
TIMBALAN PENGURUSI	PN. KHAIRUN NISA BINTI AZIMI Timbalan Pengarah Unit Pensijilan dan Pengiktirafan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian
SETIAUSAHA	PN. SHAHIMA BINTI MOHD NADZRI Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian

AHLI JAWATANKUASA

PN. MURNI BINTI JAINAF Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	EN. SHAHROM NURRIZAM BINT ROMLI Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian
PN. NOOR AFZIHA BINTI NGARISAN Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	NOR AZIRA BINTI ABDUL RAHMAN Pegawai Peperiksaan Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN)
PN. ROSAZLINDA BINTI MOHD ISHAK Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	ZAIDAH BINTI ABD UMAR Pegawai Peperiksaan Politeknik Merlimau (PMM)
PN. HASNIZAH BINTI AMRAN Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	FAUZIAH BINTI MOHD YUSOF Pegawai Peperiksaan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)
PN. NURUL HANANIE BINTI MAZLAN Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	SITI ZAIMAR BINTI WAHID Pegawai Peperiksaan Politeknik Balik Pulau (PBU)
PN FATIMAH BINTI KHAIR Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	SAFIAH BINTI AWANG Pegawai Peperiksaan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)
PN IZYANI BINTI AHMAD Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	NORSHAHIRA BINTI MOHD FAUZI Pegawai Peperiksaan Politeknik Muadzam Shah (PMS)
PN NUR AZNADIA BINTI ABDUL AZIZ Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	KASMAWATI BINTI SENAWING Pegawai Peperiksaan Politeknik Kota Kinabalu (PKK)
PN NADIA BINTI RAJAT Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	AMIR HAZIQ BIN LOH BOJENG Pegawai Peperiksaan Politeknik Mukah (PMU)
PN NURUL ZAITUL AIZAN BINTI MOHAMAD JAHIS Penolong Pengarah Kanan Bahagian Peperiksaan dan Penilaian	

PENYUNTING & REKA BENTUK GRAFIK

PN. SHAHIMA BINTI MOHD NADZRI
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Peperiksaan dan Penilaian



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Tel : 03-88882630
Faks : 03-88885634
Laman Web : www.mypolycc.edu.my